



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

07.01.2022

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsikan pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Kebuntuan antara lembaga pengarah dan pemegang saham SCBuild

Pada hari dagangan terakhir 2021, pasaran dikejutkan dengan rentetan peristiwa yang berlaku dalam SC Estate Builder Berhad (SCBuild). Pemegang saham menolak pemilihan semula lapan calon pengarah sedia ada pada mesyuarat agung tahunan (annual general meeting, AGM) yang diadakan pada 31 Disember 2021. Sejurus selepas AGM ditangguhkan, ahli lembaga pengarah yang selebihnya melantik semula lapan pengarah yang disingkirkan itu ke dalam Lembaga Pengarah. Mereka terdiri daripada pengarah eksekutif dan pengarah bukan eksekutif bebas.

Dalam pemfailan Syarikat kepada Bursa Malaysia Securities mengenai keputusan AGMnya, dinyatakan bahawa para pemegang saham menolak pemilihan semula lapan pengarah tersebut dengan 54.8% saham mengundi “Menentang” pelantikan semula mereka.

Dalam pengumumannya kepada Bursa Malaysia, Syarikat menyatakan bahawa baki pengarah yang tidak bertanding untuk pemilihan semula sewaktu AGM itu kemudiannya mengadakan mesyuarat khas Lembaga Pengarah dan melantik semula lapan individu yang tidak dipilih sebagai pengarah SCBuild.

Perkembangan ini berlaku dua hari selepas taikun Tan Sri Lee Kim Yew menuduh 10 pengarah itu bertindak menyalahi undang-undang dengan menolak pencalonan lapan individu yang bercita-cita untuk menjadi pengarah baharu syarikat itu. Lee sendiri adalah seorang daripada mereka yang mahu mendapatkan pencalonan untuk bertanding sebagai calon Lembaga Pengarah SCBuild.

Dalam satu kenyataannya, Lee mendakwa 10 pengarah tersebut telah menolak pencalonannya tanpa memberikan justifikasi yang sewajarnya. Pada peringkat awal, SCBuild menyatakan pandangannya bahawa kenyataan oleh Lee itu boleh ditafsirkan sebagai fitnah dan ia sedang mendapatkan nasihat perundangan tentang perkara itu.

SCBuild sebelum ini memfailkan saman untuk menghalang mesyuarat agung luar biasa yang bertujuan menggantikan empat pengarah daripada berlangsung pada 3 Jun tetapi telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 20 September.

SCBuild menjadi syarikat tersenarai pada 29 November 2005. Perniagaan teras syarikat ini ialah pembinaan dan industri berkaitan termasuk tenaga boleh diperbaharui, pembinaan rumah mampu milik serta menjalankan kerja-kerja infrastruktur dan perniagaan berkaitan.

SCBuild mengalami kerugian bersih berjumlah RM1.86 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2021 (tahun kewangan 2021) berbanding kerugian bersih RM749,452 pada tahun kewangan 2020. Pendapatannya pula menyusut 53.41% kepada RM3.35 juta (tahun kewangan 2020: RM7.19 juta).

Hakikat di sebalik pelantikan, pemilihan semula dan penyingkiran pengarah

Pemegang saham minoriti mungkin bingung dengan perkembangan ini. Seperti yang pernah kita saksikan dalam banyak AGM, pengarah meletak jawatan daripada Lembaga Pengarah dan menawarkan diri mereka untuk dilantik semula dalam AGM. Peletakan jawatan dan pemilihan semula ini adalah mengikut Perlembagaan syarikat.

Perlembagaan menggariskan hubungan antara syarikat dengan setiap ahlinya, pengarahnnya dan setiausaha syarikat. Ia merangkumi tugas-tugas mentadbir urus sesebuah syarikat, antaranya kuasa, tanggungjawab, peranan, aktiviti utama, pelantikan/ pemilihan semula/ penyingkiran pengarah dan pengendalian mesyuarat.

Perlu diingat bahawa Lembaga Pengarah boleh melantik pengarah tambahan ke dalam Lembaga Pengarah pada bila-bila masa, tertakluk kepada Perlembagaan syarikat. Pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan sehingga AGM yang akan datang yang mana mereka boleh menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula. Hak ini termaktub dalam Seksyen 202 Akta Syarikat 2016.

Untuk menyingkirkan pengarah, syarikat boleh memecat seseorang pengarah sebelum tamat tempoh perkhidmatan pengarah tersebut melalui resolusi biasa dalam mesyuarat. Bagaimanapun, resolusi untuk memecat pengarah ini memerlukan notis khas.

Apakah implikasi semua ini kepada pemegang saham?

Walaupun apa yang berlaku dalam SCBuild merupakan pengabaian terhadap suara pemegang saham majoriti, perlu diingat bahawa pengarah mempunyai kuasa untuk melantik pengarah tambahan ke dalam lembaga pengarah.

Peristiwa yang berlaku dalam SCBuild adalah perebutan kuasa antara lembaga pengarah dan pemegang saham majoriti yang mengundi dalam AGM. Situasi sebegini mudah berlaku dalam mana-mana perniagaan yang dikendalikan oleh keluarga yang rapat, yang mana ahli keluarga tidak mengawal majoriti saham yang besar.

Pemegang saham minoriti yang bijak perlu memahami hakikat bahawa pengarah semasa mempunyai kuasa untuk melantik pengarah tambahan. Mereka

menganggap tindakan ini sebagai pemenuhan kewajipan fidusiari mereka untuk bertindak demi kepentingan syarikat.

Pemegang saham yang mengundi menentang lapan orang pengarah itu boleh memohon supaya diadakan mesyuarat agung luar biasa (*extraordinary general meeting*, EGM) bagi membentuk semula lembaga pengarah. Mereka boleh memecat beberapa atau semua pengarah sedia ada daripada lembaga pengarah Syarikat dan melantik pengarah baharu.

Para pemegang saham yang ingin menukar komposisi lembaga pengarah hendaklah membuat permohonan secara rasmi kepada Syarikat untuk mengadakan EGM. Dalam EGM itu nanti, para pemegang saham bolehlah mencadangkan resolusi untuk melakukan perubahan yang diingini kepada lembaga pengarah.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 10 hingga 14 Januari 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
10.01.22 (Isnin) 02.30 petang	UWC Bhd (AGM)	UWC mengalami pertumbuhan keuntungan yang kukuh pada tahun kewangan berakhir 2021 yang menyaksikan keuntungan bersihnya meningkat 58% kepada RM91.5 juta, disebabkan perkembangan dalam industri semikonduktor dan kesihatan. Prospek UWC kelihatan cerah memandangkan industri kereta autonomi dan 5G bersedia mencatatkan pertumbuhan yang pesat dan ini akan mendorong permintaan untuk produknya.
12.01.22 (Rabu) 10.00 pagi	Concrete Engineering Products Bhd (AGM)	Kerugian sebelum cukai Kumpulan menyusut 6.89% daripada RM18.06 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM16.82 juta pada tahun kewangan 2021. Kerugian ini sebahagian besaranya

		disebabkan oleh pergerakan barang jualan yang perlahan daripada pesanan yang diterima. Sekatan pergerakan, perintah kawalan pergerakan serta penguatkuasaan penutupan perniagaan di seluruh negara untuk membendung penularan wabak Covid-19 turut menjelaskan prestasi Kumpulan.
13.01.22 (Khamis) 10.00 pagi	KESM Industries Bhd (AGM)	Pendapatan KESM meningkat 3% tahun ke tahun kepada RM248.3 juta (tahun kewangan 2020: RM241.0 juta) disebabkan oleh pesanan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services, EMS</i>). Walau bagaimanapun, perkhidmatan ujian dan bakar mula mencatatkan pendapatan yang lebih rendah. Keuntungan bersih meningkat kepada RM7.3 juta, berbanding kedudukan pulang modal pada tahun lepas. Kumpulan optimis ia akan terus menunjukkan prestasi yang baik apabila penunjuk industri semikonduktor kembali positif.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
UWC Bhd (AGM)	Salah satu strategi utama UWC untuk jangka panjang ialah meneroka penguji cip automotif untuk kenderaan berautonomi pada tahun-tahun akan datang yang mana tempoh kitaran penggunaan dan pelaksanaan teknologi ini akan menjadi panjang. Kumpulan mensasarkan untuk meningkatkan pengeluaran penguji cip kenderaan berautonomi yang boleh diharapkan menjelang akhir 2021. Dengan kemunculan peranti elektronik kenderaan pintar, Kumpulan menjangkakan percambahan kenderaan elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>) dan pemanduan autonomi akan mendorong pendedahan Kumpulan dalam industri automotif. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021)

	<p>a) Berapakah jumlah yang dilaburkan oleh Syarikat untuk pembuatan penguji cip pada tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Berapakah unjuran pendapatan daripada segmen pemanduan autonomi dan kenderaan elektrik pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
Concrete Engineering Products Bhd (AGM)	<p>CEPCO sentiasa berusaha untuk mempertahankan dan menambah baik kualiti dan standard perkhidmatan produknya kepada pelanggan bagi meningkatkan kedudukan Kumpulan dalam pasaran (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah kedudukan pasaran semasa Kumpulan dalam industri?</p> <p>b) Apakah rancangan CEPCO dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan standard perkhidmatan produknya kepada pelanggan pada tahun kewangan 2022?</p>
KESM Industries Bhd (AGM)	<p>Kumpulan melabur dalam sebuah fasiliti baharu di Melaka untuk melebarkan perkhidmatannya kepada julat segmen pasaran yang lebih luas (halaman 6, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah status operasi fasiliti baharu di Melaka?</p> <p>b) Apakah segmen pasaran yang disasarkan untuk fasiliti baharu ini?</p> <p>c) Adakah kapasiti pengeluaran fasiliti baharu ini dikhurasukan kepada pelanggan sedia ada atau pelanggan baharu?</p> <p>d) Berapakah kadar penggunaan semasa fasiliti baharu ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.